



**JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH DARUL AMAN
IRSYAD AL-FATWA**

**PERKARA: PANDANGAN FATWA BERKAITAN HUKUM INDIVIDU ATAU KUMPULAN
TERTENTU MEMBINA BANGUNAN DI ATAS TANAH MILIK PERSENDIRIAN DAN
MENGKLASIFIKASIKAN SEBAGAI MASJID DAN HUKUM BERIKTIKAF**

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Bil. 03/2023 pada 21 Mei 2023 bersamaan 1 Zulkaedah 1444 telah berbincang mengenai Pandangan Fatwa Berkaitan Hukum Individu Atau Kumpulan Tertentu Membina Bangunan Di Atas Tanah Milik Persendirian Dan Mengklasifikasikan Sebagai Masjid dan Hukum Beriktikaf dan bersetuju memutuskan seperti berikut;

1. Mana-mana pihak atau individu yang mendirikan atau menubuhkan sesebuah masjid hendaklah mewakafkan tapak masjid tersebut atas nama Majlis Agama Islam Kedah (MAIK). (Rujuk Sek. 61 (2) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008).
2. MAIK adalah badan yang berautoriti di Negeri Kedah Darul Aman untuk memberi kebenaran bertulis atau sebaliknya kepada pihak yang berkepentingan dalam penubuhan mana-mana masjid termasuk surau, madrasah atau bangunan lain yang dijadikan sebuah masjid. (Rujuk Sek. 61 (1) (a) dan (c) Enakmen Pentadbiran Undang- Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008).
3. MAIK menjadi pemegang amanah tunggal bagi semua masjid dan tanah yang berkaitan dengannya. (Rujuk Sek. 59 (1) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008).
4. Tindakan dari aspek perundangan boleh dikenakan kepada pihak terbabit yang melanggar peruntukan tersebut berdasarkan Sek. 60 (2) Enakmen Pentadbiran Undang- Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008.

Justeru, Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah berpandangan pihak Bahagian Pengurusan Masjid dan Surau, JHEAIK dapat mengadakan sesi perbincangan dengan pihak berkenaan bagi mengharmonikan isu ini dan seterusnya dapat memelihara keharmonian umat Islam. Wallahu álam,

Sekian, terima kasih.

Disahkan oleh;



**DATO' PADUKA SYEIKH FADZIL BIN HAJI AWANG,
DPSS., DSDK., AMK., BCK.**

MUFTI NEGERI KEDAH DARUL AMAN.

Tarikh: 1 Jun 2023 bersamaan 12 Zulkaedah 1444